

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 25 Ogos 2021 9:29
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: 4TH ISDC 2021 PEMANGKIN KELESTARIAN MASYARAKAT



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2021 / 16 MUHARAM 1443H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: SAPSP

4TH ISDC 2021 PEMANGKIN KELESTARIAN MASYARAKAT



UUM ONLINE: Penganjuran 4th International Social Development Conference - Virtual (ISDC-V 2021) diharapkan menjadi platform terbaik untuk mengubah norma baharu masyarakat dalam era pandemik Covid-19.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dalam ucapannya berkata, cabaran kehidupan dunia yang sentiasa mengalami perubahan memberi kesan kepada emosi manusia.

Ditambah pula dengan cabaran pandemik Covid-19 yang seperti tiada penghujungnya, justeru beliau berharap ISDC 2021 menjadi platform terbaik untuk membincangkan perkara tersebut.

ISDC-V 2021 anjuran Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUKJ) dan Institut Sosial Malaysia (ISM) dianjurkan secara dwitahunan sejak 2014 itu disertai 331 peserta termasuk 56 pembentang dari universiti tempatan dan antarabangsa.

Mengangkat tema 'Promoting Human Well-being Towards Equality and Sustainability in Society', persidangan tersebut membariskan Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir Awang dari Lembaga Kauncelor

Malaysia (LKM) dan Prof. Dr. Tan Ngoh Tiong dari Singapore University of Social Sciences (SUSS) sebagai pengucapnama.

ISDC-V 2021 selama dua hari pada 11 dan 12 Ogos itu mengetengahkan pelbagai topik menarik oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negara, antaranya Prof. Dr. Christopher Trotter dari Monash University; Prof. Madya Dr. Melati Sumari dari Universiti Malaya (UM); Prof. Madya Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin dan Dr. Ku Suhaila Ku Johari dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manakala UUM menampilkan Prof. Dr. Noor Azniza Ishak, Prof. Madya Dr. Siti Rozaini Kamsani, Dr. Azlin Hilma Hillaluddin, Dr. Norruzeyati Che Mohd Nasir, Sharima Ruwaida Abbas dan Sabasiah Husin.

Persidangan telah dirasmikan mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Rina Mohd Harun yang mana beliau berharap UUM dapat membantu negara mengurus situasi pandemik yang memberi impak kepada komuniti dan mewujudkan usaha serta kebersamaan dan kelestarian masyarakat melalui jalinan teori dan praktikal yang dihasilkan melalui konferen tersebut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.